KENYATAAN MEDIA

# MDEC Berkolaborasi dengan MDA untuk Memacu Ekosistem Ekonomi Digital

- *Kerjasama antara MDEC dan MDA untuk menyediakan pandangan, webinar dan latihan digital kepada ahli dan bukan ahli MDA.*
- *Beberapa siri kerjasama akan dimulai dengan program MDA@School, yang menawarkan program latihan berkaitan dengan bakat Malaysia.*

**CYBERJAYA, 12 OKTOBER 2021:** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi peneraju ekonomi digital negara, dan Persatuan Digital Malaysia (MDA) hari ini mengumumkan kerjasama untuk memupuk kolaborasi menerusi program inovasi korporat, bimbingan dan pemacu untuk meningkatkan kesedaran berkenaan inisiatif yang akan memberi manfaat kepada ekosistem ekonomi digital.

Sebahagian daripada perjanjian berkenaan, MDEC dan MDA akan menganjurkan siri perbincangan libat urus yang dikenali sebagai Digital Wednesday, pada setiap suku tahun. Sesi tersebut akan menampilkan tetamu terkemuka dan pakar industri serta barisan kepimpinan MDEC, yang akan berkongsi pandangan dan pembangunan bakat terkini, pelaburan dan pelan digital untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekosistem ekonomi digital Malaysia.

“Kami amat teruja untuk mengumumkan kerjasama dengan MDA, kerana ketika ini kami sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik dan memacu ekosistem ekonomi digital menerusi kempen utama kami iaitu #SayaDigital dan Nadi Digital ASEAN.

“Kami sangat optimistik bahawa kerjasama ini akan mencipta lebih banyak peluang bukan sahaja kepada ahli tetapi juga bukan ahli, seterusnya memajukan ekonomi digital secara inklusif selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030,” kata Raymond Siva, Naib Presiden Kanan, Pelaburan & Jenama dan Ketua Pegawai Pemasaran, MDEC.

Kerjasama ini akan bermula pada bulan ini dengan penglibatan MDEC dalam platform pembelajaran industri khas MDA seperti MDA@School yang antaranya menyediakan program pensijilan bersama. Inisiatif ini ialah program julung kali yang dilaksanakan dan dianjurkan oleh kedua-dua buah organisasi ini untuk pihak industri.

Program berkenaan akan merangkumi Digital Wednesday, iaitu acara rangkaian industri suku tahunan MDA, perkongsian dan pembelajaran. Selain itu, buat pertama kali, MDEC akan terlibat dalam Anugerah MDA 2021, acara tahunan yang mengiktiraf dan menghargai bakat, agensi, jenama, penerbit dan penyedia perkhidmatan digital yang mengadaptasi dan menggunakan teknologi digital.

“Kami sangat gembira dengan kerjasama strategik baharu dengan MDEC ini. Kerjasama ini adalah penting, kerana ia membolehkan MDA dan MDEC untuk bekerjasama dalam memacu industri ke hadapan untuk mereka yang terlibat dalam sebarang perniagaan digital. Ia juga akan mengukuhkan kedudukan MDA sebagai penggiat penting bersama dengan MDEC dalam memperkasa industri dan terus memacu negara ke tahap lebih tinggi,” kata Nicholas Sagau, Presiden MDA dan Ketua Pegawai Operasi, REV Media Group, sayap digital Media Prima Berhad.

Untuk maklumat lanjut berkenaan MDA@School dan Digital Wednesday, sila layari https://www.malaysiandigitalassociation.org.my/

#TAMAT#

**Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. Kami menetapkan sasaran untuk mewujudkan ekonomi digital yang progresif dan berinovatif.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (**N**ew skills), Penerimaan (**A**doption), Pengganggu (**D**igital ScaleUps) dan Pelaburan (**I**nvestments). Ini membentuk asas kepada pelaksanaan rangka kerja NADI Digital yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, industri dan para pelabur. Sasaran MDEC adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara digital yang berdaya saing di peringkat global, secara inklusif, lestari dan kemakmuran bersama serta menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

**#NadiDigital #SayaDigital #HeartofDigitalASEAN #MyMDEC**

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: https://www.facebook.com/MyMDEC/ Twitter: @mymdec

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Simon Yap – simon.yap@mdec.com.my

## Mengenai Persatuan Digital Malaysia (MDA)

The Malaysian Digital Association (MDA) is a representative body that comprises online publishers, advertising agencies, creative agencies and digital service providers. Founded in 2009, MDA has been instrumental in shaping the Malaysian digital industry and committed to driving it forward with innovative initiatives. Such initiatives include the endorsement of digital measurement partners for the industry, Digital Wednesday events, MDA School, Best Practice Reports, MDA Video Series and d Awards.

For more information about MDA, please visit malaysiandigitalassociation.org.my or contact Zati Azami at the MDA Secretariat at Telephone: +6037660-8535 or zati@macomm.com.my. The MDA office is located at Unit 706, Block B, Pusat Dagangan Phileo Damansara 1, 9 Jalan 16/11 Off Jalan Damansara, 46350 Petaling Jaya, Selangor DE, Malaysia.

#END#

**About Malaysia Tech Month 2021**

Malaysia Tech Month 2021 (MTM 2021) is a virtual, month-long curation of electrifying digital and technology keynotes, workshops, discussion panels and business-matching sessions. It will feature distinguished group of local and international industry speakers and investors to share their expert thoughts and experiences in 4IR-driven digital economy.

MTM 2021 will see exciting programmes that will allow the spotlight to be shone upon digital ecosystem leaders and creators, leading-edge companies as well as talents, enabling all stakeholders to discover new perspectives on domestic and global trends in artificial intelligence, drone tech, data analytics, fintech and digital workforce.

Drawing out new tech conversations from public sector and enterprise decision makers, entrepreneurial and academic circles, MTM 2021 aims to drive MDEC's aspirations in establishing Malaysia as the Heart of Digital ASEAN and further reinforce Malaysia's position as the first-mover for the rise of the digital economy in the present and post-pandemic era.

**About Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) is the agency under the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia leading the nation's digital transformation for 25 years. MDEC aims to enable a nation deeply integrated with technology, providing equitable digital opportunities to society, people, and businesses, echoing the Malaysia 5.0 agenda.

In order to achieve this, MDEC will focus on the following four DIGITAL thrusts, **N**ew skills, **A**doption, **D**isruptors and **I**nvestments. This forms the basis of our NADI Digital execution framework that will drive our core programmes for the rakyat, industry and investors.  MDEC's targets for Malaysia to become a globally competitive digital nation, anchored on inclusivity, sustainability, and shared prosperity, and firmly establishing Malaysia as the Heart of Digital ASEAN.

**#MyMDEC #NadiDigital #SayaDigital #HODA #Malaysia5.0**

To find out more about MDEC's Digital Economy initiatives, please visit us at www.mdec.my or follow us on: Facebook: https://www.facebook.com/MyMDEC/ Twitter: @mymdec

**For media queries, kindly contact:**

Dashika Gnaneswaran -  dashika.gnaneswaran@mdec.com.my

Simon Yap – simon.yap@mdec.com.my